



**IKLAN JAWATAN KOSONG
DI PERBADANAN PERPUSTAKAAN AWAM MELAKA (PERPUSTAM)
BIL. 1 TAHUN 2024**

Warganegara Malaysia (keutamaan diberikan kepada Anak Negeri Melaka) yang berumur 18 tahun ke atas pada tarikh tutup iklan jawatan dan berkelayakan adalah dipelawa memohon jawatan kosong di Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka (PERPUSTAM). Jawatan tersebut adalah seperti berikut :-

1. JAWATAN DAN KEKOSONGAN

Penolong Pustakawan Gred S29 : 1 Kekosongan

2. TARAF JAWATAN : Kontrak / Tetap

3. CARA-CARA MEMOHON

- a. Permohonan hendaklah menggunakan Borang Jawatan Kosong PERPUSTAM. Borang permohonan boleh dimuat turun dengan melayari laman sesawang Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka di alamat www.perpustam.gov.my
- b. Pemohon hendaklah mencetak dan mengisi borang permohonan dengan lengkap. Borang permohonan yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan.
- c. Borang permohonan perlulah disertakan dengan gambar terbaharu berukuran passport dan setiap dokumen yang disertakan **MESTI DISAHKAN** oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan Dan Profesional) / Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung.
- d. Salinan dokumen yang diperlukan adalah seperti berikut :
 - i. Salinan Sijil Kelahiran
 - ii. Salinan Kad Pengenalan
 - iii. Salinan sijil akademik/ kemahiran daripada Institut Pengajian Tinggi (IPTA / IPTS), persekolahan dan transkrip akademik yang diakui sah seperti mana syarat-syarat yang ditetapkan.
 - iv. Lain-lain dokumen sokongan berkaitan.
- e. Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dengan Perkhidmatan Awam, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.
- f. Borang permohonan dan dokumen sokongan hendaklah dikepilkan dengan kemas bagi mengelakkan keciciran dan kehilangan dokumen dan dimasukkan ke dalam sampul surat serta mencatatkan nama jawatan yang dipohon pada sebelah kiri atas sampul surat.

g. Permohonan yang berikut akan ditolak :-

- i. Tidak menggunakan borang PERPUSTAM
- ii. Tidak disertakan dengan dokumen-dokumen yang diperlukan
- iii. Tidak lengkap atau tidak terang
- iv. Tidak memenuhi syarat-syarat kelayakan yang ditetapkan dalam iklan
- v. Tidak dikemukakan melalui Ketua Jabatan bagi pegawai yang sedang berkhidmat
- vi. Tidak ditandatangani dan tiada pengesahan dokumen-dokumen yang diperlukan.
- vi. Diterima selepas daripada permohonan ditutup

4. CATATAN AM

- a. Borang yang tidak lengkap tidak akan dipertimbangkan. Hanya calon yang layak sahaja akan dipanggil untuk ditemuduga melalui panggilan telefon / email dalam tempoh enam (6) bulan dari tarikh permohonan ditutup.
- b. Pemohon yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh iklan ditutup hendaklah menganggap permohonan mereka tidak berjaya.
- c. Bagi calon yang dipanggil untuk ditemuduga tetapi tidak menerima apa-apa keputusan selepas enam (6) bulan dari tarikh temuduga hendaklah menganggap mereka tidak berjaya.

5. Dokumen permohonan yang lengkap hendaklah dihantar ke alamat seperti berikut:

**Pengarah
Perbadanan Perpustakaan Awam Melaka
242-1 Jalan Bukit Baru
75150 Melaka.**

6. Tarikh Tutup Permohonan ialah pada **31 Januari 2024 (Rabu) selewatnya jam 5.00 petang.**